

Nasib Zoo Negara

WABAK pandemik COVID-19 yang melanda dunia bukan sahaja memberikan kesan kepada kehidupan manusia, bahkan kepada haiwan. Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana-mana sahaja di seluruh dunia dikuatkuasakan, haiwan terutama di pusat perlindungan persendirian dan zoo turut terjejas.

Haiwan yang ditempatkan di dalam kandang memang bergantung sepenuhnya pada makanan yang diberikan oleh petugas kepada mereka. Oleh sebab arahan PKP, haiwan yang tinggal di dalam kandang tidak mampu mencari makanan sendiri. Bagi haiwan yang memakan daging, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan, mereka terpaksa menunggu penjaganya datang membawa makanan. Apa-apa pun situasinya, haiwan juga perlu hidup dan tidak boleh dibiarkan mati.

Oleh sebab PKP yang dijalankan, pihak yang terlibat terpaksa mencari jalan bagi mendapatkan dana untuk menyediakan bekalan makanan seperti daging, sayur-sayuran dan buah-buahan, serta menyelenggarakan kos pengurusan, khasnya zoo di seluruh negara. Zoo Negara turut terkesan dan memerlukan bantuan kewangan untuk mengendalikan pelbagai jenis haiwan di dalamnya.


Zoo Negara dikatakan terpaksa menggunakan tabung kecemasannya yang hanya mampu bertahan selama tiga bulan sahaja bagi meneruskan operasinya. Premis itu bergantung pada duit tabung yang sedia ada bagi menampung kos operasi yang merangkumi gaji pekerja dan makanan haiwan. Menurut Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly Ahmat Lana, tabung kecemasan itu merupakan

peruntukan yang diwujudkan khusus oleh pihak pengurusan Persatuan Zoologi Malaysia (MSZ) untuk menangani keadaan seperti keadaan luar jangkaan ini.

Selain mengharapkan sumbangan dana daripada orang ramai, pihak Zoo Negara turut menganjurkan program Haiwan Angkat sebagai satu cara bagi menampung kehidupan haiwan yang berada dalam jagaan mereka. Kempen tersebut diadakan sebagai usaha untuk memastikan bekalan makanan, perubatan dan pengurusan haiwan dapat diteruskan.

Orang ramai boleh memilih sama ada ingin memberikan sumbangan secara sekali gus atau secara bulanan mengikut jenis pakej yang disediakan. Setiap derma yang disumbangkan melayakkan seseorang itu menerima minimum satu tiket masuk percuma dan hanya perlu menunjukkan bukti transaksi sumbangan mereka. Untuk kempen Haiwan Angkat, orang ramai boleh memilih haiwan angkat yang disenaraikan oleh pihak zoo. Hasil sumbangan tersebut membolehkan individu terlibat menerima e-sijil, yang akan turut dicatatkan dengan nama haiwan yang dipilih seperti Panjang (harimau bintang), Sibol (gajah), Ben (orang utan) dan lain-lain lagi.

Kempen Haiwan Angkat ini berjaya mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada orang ramai. Walau bagaimanapun, Rosly menjelaskan bahawa pihak zoo masih memerlukan sumbangan sekurang-kurangnya RM12 ribu sehari bagi menampung kos makanan dan perubatan haiwan. Menurutnya lagi, hampir 99 peratus sumbangan yang



Langkah terpaksa membunuh sesetengah haiwan dibuat supaya haiwan lain boleh hidup dan perkara itu hanya akan dilakukan sebagai langkah yang terakhir.

diterima adalah daripada individu perseorangan.

Ternyata kesulitan yang dialami oleh Zoo Negara tersebut turut mendapat perhatian pihak kerajaan. Bantuan sebanyak RM1.3 juta diberikan kepada Zoo Negara bagi mengatasi kesan pandemik COVID-19. Berita gembira tersebut disampaikan oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato' Dr. Shamsul Anuar Nasarah. Walau bagaimanapun, sebanyak RM8 juta lagi diperlukan oleh 14 buah zoo dan 20 buah pusat Pameran Tetap Hidupan Liar di seluruh negara untuk kelangsungan pengoperasian premis masing-masing hingga hujung tahun ini.

Kos operasi premis tersebut terjejas teruk kerana bergantung sepenuhnya pada hasil kutipan tiket. Menurut Dato' Dr. Samsul, penilaian secara teliti dilakukan terhadap kos yang terlibat dengan mendapatkan pandangan dan maklum balas lengkap daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, serta Persatuan Taman, Zoologi dan Aquaria Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

Sehubungan dengan kes jangkitan COVID-19 terhadap haiwan, Zoo Negara turut mengambil langkah proaktif bagi memastikan lebih daripada 300 spesies haiwan tidak terjejas oleh

wabak COVID-19. Langkah berjaga-jaga diambil terutamanya bagi mereka yang sentiasa terdedah kepada haiwan ataupun bekerja di zoo. Oleh itu, pergerakan penjaga zoo ke kandang diminimumkan dan waktu bekerja dihadkan kepada empat jam sehari sahaja.

Menurut Pengarah Veterinar Zoo Negara, Dr. Mat Naim Ramli, ada kemungkinan jangkitan COVID-19 boleh berlaku daripada manusia kepada haiwan jika pesakit itu melakukan kontak rapat terhadap haiwan, tetapi setakat ini tiada bukti jelas bahawa jangkitan haiwan peliharaan boleh merebak kepada manusia atau haiwan lain.

Nasib zoo di negara ini ternyata berbeza daripada zoo di Jerman. Misalnya di Zoo Neumünster, operasi zoo tidak ditutup sepenuhnya walaupun tiada pengunjung kerana Jerman mengenakan perintah berkurung. Namun begitu, tanpa bantuan kewangan daripada kerajaan, berkemungkinan haiwan di zoo tersebut akan dijadikan makanan untuk haiwan lain akibat putusnya bekalan makanan. Lebih malang lagi zoo tersebut tidak dianggap sebagai syarikat perniagaan menyebabkannya tidak layak untuk menerima dana bantuan daripada kerajaan. Untuk rekod, Zoo Neumünster dimiliki oleh

sebuah persatuan dan tidak dilindungi di bawah dana darurat Jerman. Akibat pandemik COVID-19, zoo di Jerman dianggarkan mengalami kerugian mencecah hampir RM2.4 juta pada tahun ini. Pada kebiasaannya, jika zoo tidak dapat menampung operasinya, haiwan yang berkenaan akan dipindahkan ke zoo lain. Namun begitu, tindakan tersebut tidak dapat dilakukan kerana semua zoo di Jerman berhadapan dengan masalah yang sama.

Menurut laporan agensi berita *British Broadcasting Corporation* (BBC), pengarah Zoo Neumünster, Verena Kaspari, menjelaskan bahawa senarai haiwan yang akan dikorbankan sudah tersedia. Langkah terpaksa membunuh sesetengah haiwan dibuat supaya haiwan lain boleh hidup dan perkara itu hanya akan dilakukan sebagai langkah yang terakhir. Oleh itu, selain rayuan terus dilakukan terhadap orang ramai, zoo di Jerman kini bersepatat dalam usaha memohon bantuan daripada pihak kerajaan. Masalah yang sama juga dihadapi oleh zoo di China. Sebuah taman haiwan di China membuat kejutan kepada dunia dan turut mendapat bantahan keras daripada para pencinta haiwan ekoran tindakan membiarkan binatang di dalam taman itu bertindak sebagai pemangsa.

Tahukah Anda?

- Seekor anak rusa betina spesies Rusa Sambar yang dilahirkan di Pusat Konservasi Hidupan Liar Gua Musang, Kelantan, pada 11 April lalu telah dinamakan sebagai Covinaliner bersempena dengan wabak COVID-19 di seluruh dunia.
- Pihak Zoo Taiping and Night Safari telah menerima kehadiran tiga ekor anak Harimau Malaya yang dilahirkan pada 12 April lalu. ▢